

06 APR 1997

GANJARAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN --KABINET PUTUSKAN BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, April 6 (Bernama) -- Kabinet akan membuat keputusan bulan depan mengenai cadangan memberi ganjaran kepada kakitangan kerajaan yang berkhidmat lebih dari 25 tahun, kata Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek hari ini.

"Hampir semua kementerian telah memberi maklum balas yang positif kepada cadangan itu," katanya ketika ditanya mengenai cadangan itu yang disediakan oleh kementeriannya berikutan dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dulu.

"Kita mengharapkan cadangan itu diterima tetapi oleh kerana ia melibatkan peruntukan yang banyak kita perlu pastikan semua berjalan dengan betul sebelum membuat sebarang ulasan," kata Lim kepada pemberita selepas melancarkan Program Bahasa Inggeris MCA bahagian Bukit Bintang di SRJK (C) Lai Meng, di sini.

Program itu, di bawah Projek Langkawi, yang terlibat 13 sekolah rendah dalam kawasan Parlimen Bukit Bintang bertujuan meningkatkan kualiti bahasa Inggeris kepada kira-kira 400 murid-murid darjah enam.

Lim juga berkata kementerian sedang mengkaji kemungkinan menjadikan pendidikan sebagai faedah jangka panjang kepada kakitangan kerajaan. --

BERNAMA

YBK WAT